

Headline	HIV beri kesedaran		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	23 Nov 2013	Color	Full Color
Section	News	Circulation	289,315
Page No	2	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	313 cm ²
Journalist	Mary victoria Dass	AdValue	RM 8,453
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,360



HIV beri kesedaran

■ Wanita dipenjara 15 kali serik dengan kesilapan lalu

Oleh Mary Victoria Dass
maryvictoria@mediapri-
ma.com.my
Johor Bahru

“S”lepas disahkan HIV positif sejak lebih lima tahun lalu, saya sedar penyakit ini tidak boleh diubati dan menyesal dengan kesilapan lalu. Kini, saya hanya mahu menumpang kasih anak selagi nyawa dikandung badan,” kata penghidap HIV positif dikenali sebagai Sharifah, 47, semalam.

Sharifah berkata, sebelum ini dia pernah menjalani hukuman penjara sebanyak 15 kali termasuk lebih lima kali ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), namun masih tidak serik dengan kesilapan lalu.

Bagaimanapun, katanya, semuanya berubah apabila dia disahkan HIV positif menyebabkan kehidupannya ketika itu gelap gelita.

“Saya bagaikan tidak boleh bernafas dan menyesali semua perbuatan lampau. Saya sedar tidak boleh kembali dan membetulkan keadaan serta terlintas wajah dua anak yang diserahkan kepada ibu saudara.

“Bagaimanapun, saya bersyukur kerana kedua-dua anak perempuan berusia 17 dan 19 tahun (lelaki) tetap menerima saya serta sering melawat di Pertubuhan Harapan Kasih Taman Suria, di sini.



RASASORAN berkongsi masalah bersama salah seorang penghuni yang juga pesakit HIV positif di Pusat Perlindungan di Taman Suria, Johor Bahru.

FAKTA
Sharifah pernah dimasukkan ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik sebanyak lima kali

“Alhamdulillah, saya hormat dan menghargai kasih sayang yang ditunjukkan mereka termasuk bersalam dan mencium saya setiap kali kami bertemu kerana merekalah kekuatan saya untuk meneruskan hidup ketika ini,” katanya.

Menurutnya, selama ini dia menjalani hukuman penjara sebanyak 15 kali termasuk lebih lima kali ke PUSPEN.

Bagaimanapun katanya, pujukan rakan penagih dadah menyebabkannya gagal mengawal ketagihan dan kembali menagih najis dadah.

Sharifah yang berasal dari FELDA Sungai Mas Kota Tinggi dekat sini, berkata, keadaan itu menyebabkannya terpaksa menyerahkan

kedua-dua anaknya kepada keluarga ibu saudara berikutan kerap keluar masuk penjara.

“Akibat terlalu sibuk keluar masuk penjara dan PUSPEN, saya tidak pernah berpeluang tinggal bersama anak sendiri.

“Saya mula terjebak dengan penagihan dadah sejak tingkatan empat kerana ingin mencuba dan sejak itu, hilang minat belajar serta menjadi beban keluarga kerana tidak bekerja.

“Keadaan itu menyebabkan saya lari dari rumah dan tinggal bersama teman lelaki berasal dari Pontian, sebelum melahirkan dua anak,” katanya.

Menurutnya, ketika itu tiada apa yang lebih penting selain dadah dan sanggup membuat apa saja termasuk mencuri dan mengedar un-

tuk mendapatkan bekalan.

“Keputusan HIV positif benar-benar mengubah saya dan kini insaf dengan semua kelakuan lama.

“Walaupun keadaan saya lemah, saya tetap bersyukur kerana menerima perlindungan di Pertubuhan Harapan Kasih sejak lima bulan lalu serta dua anak menerima kembali saya dalam hidup mereka,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Projek Pertubuhan Harapan Kasih K Rasasoran berkata, pihaknya kerap membawa Sharifah untuk menjalani kaunseling.

“Sejak dimasukkan ke sini, terdapat beberapa perubahan pada Sharifah dan berharap dia lebih berdisiplin dan berjanji menjauhi gejala negatif dan kembali kepada keluarga dengan secepat mungkin,” katanya.